

CNS9476

R GB 29-05 00164 BA406

BAH

Mahathir - Kaamatan 3 (Akhir) Kota Kinabalu (Sambungan Berita)

Di RANAU, Timbalan Menteri Penerangan, Encik Railey Haji Jeffery berkata, siaran langsung perasmian Pesta Kaamatan anjuran UMNO Sabah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Ranau esok dibuat kerana ia merupakan majlis yang penting dan majlis rasmi.

"Tidak timbul sebarang soal adil atau tidak berhubung dengan liputan radio dan televisyen oleh RTM dalam hal ini," katanya dalam satu kenyataan di sini.

"Tindakan kita bukanlah bermakna kita tidak adil tetapi kita menumpukan kepada majlis yang lebih mustahak apatah lagi majlis itu dirasmikan Perdana Menteri," tambah beliau.

Railey berkata demikian sebagai mengulas kenyataan bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Kadoh Agundung yang mahu siaran langsung itu tidak hanya bertumpu kepada Perdana Menteri.

Railey berkata, RTM tetap memberikan liputan berita kepada Pesta Kaamatan anjuran Kerajaan Negeri yang akan dirasmikan Yang Dipertua Negeri, Tun Mohamad Said Keruak, Isnin ini. -- Bernama.

ZAA KAM.

♥29/05/18-35MST